



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SAMBUATAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2022 LAMBANG KESEPADUAN KELUARGA MALAYSIA DI WP KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

**PUTRAJAYA, 27 Januari 2022** – Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 yang di adakan setiap tahun pada 1 Februari adalah bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan kali ke-18 yang diadakan secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bermula pada 15 Januari hingga 28 Februari 2022.

Bertemakan “Keluarga Malaysia”, penganjuran SHWP tahun 2022 bakal menterjemahkan konsep *Our City Our Home* melalui 6 teras utama (Teras Pengiktirafan, Teras Ilmiah & Pendidikan, Teras Usahawan, Teras Kemasyarakatan, Teras Seni Budaya dan Teras Sukan) dalam menzahirkan komitmen berterusan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi bagi menjamin kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan. Justeru, pelaksanaan program-program sempena SHWP 2022 adalah berkonsepkan mesra rakyat dalam suasana norma baharu yang akan melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan lapisan masyarakat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan melalui pelaksanaan 64 program secara keseluruhan.

Objektif utama SHWP 2022 ini adalah untuk menyemarakkan acara-acara sambutan yang melambangkan warga Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera. Di samping itu, melalui penganjuran program-program SHWP 2022 ini akan dapat mencetuskan semangat muhibbah dan integrasi antara masyarakat di pelbagai peringkat lapisan. Ini sekaligus dapat mengeratkan kembali silaturahim seluruh warga Wilayah Persekutuan khususnya setelah hampir dua tahun negara terpaksa hidup di bawah Perintah Kawalan Pergerakan akibat berdepan dengan pandemik COVID-19. Semua program utama SHWP yang berteraskan konsep mesra rakyat serta perpaduan dapat memupuk nilai-nilai patriotik, mampu menjadi pemangkin dalam membentuk generasi pemimpin yang tahu menghargai serta memelihara keharmonian di Wilayah Persekutuan.

Diharapkan melalui pelaksanaan program SHWP 2022 kali ini akan membolehkan penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada mereka untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Aktiviti-aktiviti komuniti yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang Februari SHWP 2022 ini sememangnya merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan seiringan dengan konsep Keluarga Malaysia bersama-sama memajukan dan memakmurkan bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**27 Januari 2022**